

NO. SOALAN:87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang terma-terma komersial yang berkaitan dengan penyerahan kuasa pengurusan Pelabuhan Pulau Pinang daripada Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) kepada Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. secara 'direct negotiation'.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan ingin menjelaskan di sini bahawa pemilihan syarikat pembida bagi cadangan projek ini telah dilaksanakan melalui tender terhad (*restricted tender* – dengan izin) dan bukan sepertimana pernyataan YB Jelutong bahawa ianya dilaksanakan melalui *direct negotiation* (dengan izin). Dalam proses tender terhad, Syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. (STSB) telah terpilih sebagai pembida yang berjaya dan berkeelayakan untuk mengambilalih penswastaaan Pelabuhan Pulau Pinang berdasarkan kepada faktor kemampuan kewangan, teknikal dan pengalaman syarikat dalam bidang pelabuhan. STSB bersama-sama 4 syarikat lain telah dinilai daripada aspek teknikal dan kewangan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan yang telah dilantik oleh Kerajaan.

Antara terma-terma utama perjanjian yang dipersetujui oleh Kerajaan dan STSB adalah supaya STSB melaksanakan tanggungjawab sosialnya dengan meneruskan perkhidmatan pengangkutan feri, mengambilalih pekerja dan kakitangan sedia ada di Pelabuhan Pulau Pinang tanpa melibatkan sebarang pemberhentian pekerja, mengambil alih beban hutang PPSB yang jumlahnya melebihi RM1.2 bilion, menanggung kos pelaksanaan kerja-kerja pengerukan utama (*capital dredging* – dengan izin) dari 11.5 meter kepada 14.5 meter dan membuat

suntikan modal (*cash injection* – dengan izin) bagi menyokong pembangunan di pelabuhan berkenaan.

Sekian, terima kasih.